

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**TARIKH : 25 OGOS 2020**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status permohonan yang dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri pada 2019 bagi menghapuskan sekatan ke atas buku 'The Golden Son of the Kadazan' tulisan Bernard Sta Maria yang merupakan biografi seorang bekas ahli kabinet Kerajaan Negeri Sabah iaitu mendiang Datuk Peter Mojuntin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Penerbitan bertajuk “The Golden Son of the Kadazan” karya Bernard Sta Maria telah dikenakan tindakan Perintah Larangan di bawah Perintah Keselamatan Dalam Negeri (Tegahan Mengenai Penerbitan) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 pada 19 Jun 1978 kerana memudaratkan kepentingan negara serta keselamatan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengambil inisiatif membuat kajian dan penelitian semula terhadap penerbitan tersebut serta meneliti setiap aspek dari sudut keselamatan dan undang-undang selain turut melibatkan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan sebelum sebarang keputusan mengenainya dapat diputuskan.